



PERUTUSAN DATUK BANDAR

MESYUARAT MAJLIS BIL. 9/2025

30 SEPTEMBER 2025 (8 RABI'UL AKHIR 1447H)

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Malaysia MADANI, Salam Kita Selangor dan Salam Petaling Jaya
Bandar Paling Bahagia dan Mampan.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi di atas segala limpah kurnia-Nya, dapat kita bersama-sama menghadiri Mesyuarat Majlis pada hari ini. Selawat dan salam kepada Nabi Muhammad SAW, keluarga Baginda, para sahabat dan bagi mereka yang mencontohi Baginda SAW.

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri, Penyelaras DUN Taman Medan, Ahli-ahli Majlis, Timbalan Datuk Bandar, Timbalan Setiausaha Pengurusan, pengarah-pengarah, pegawai-pegawai serta warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya atas kerjasama yang baik diberikan kepada saya dalam mentadbir urusan bandar raya Petaling Jaya.

Saya amat berharap, sokongan dan komitmen yang tuan/puan berikan ini sentiasa berterusan dalam usaha kita untuk menyediakan dan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat khususnya penduduk Petaling Jaya.

2. AGENDA PEMBAHARUAN PERKHIDMATAN AWAM : SELANGOR LANCAR REFORMASI SISTEM PENYAMPAIAN TADBIR URUS

Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Reformasi Sistem Penyampaian dan Tadbir Urus Negeri Selangor (RSTU) sebagai satu strategi utama dalam memperkukuh perkhidmatan awam. Inisiatif ini menjadi pemacu utama kepada pelaksanaan dasar Kerajaan Negeri dan penyelarasan dasar Kerajaan Persekutuan.

Melalui RSTU, Kerajaan Negeri memberi fokus strategik reformasi berdasarkan lapan komponen utama iaitu **Tadbir Urus Integriti, Reformasi Penyampaian, Pemecahan Budaya Silo, Reformasi Aduan, Modal Insan Berdaya, Pemerkasaaan Akar Umbi, Pengukuhan Pemantauan Program dan Penilaian Berdasarkan Hasil.**

Ia bertujuan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap, efisien, pantas dan berkesan. Ia juga akan digerakkan melalui langkah strategik yang menyeluruh, merangkumi penambahbaikan sistem, pemantapan struktur dan pemerkasaaan peranan di semua peringkat.

Pendekatan ini bukan sahaja menekankan kelajuan dan kecekapan dalam penyampaian perkhidmatan, malah memastikan ianya kekal selari dengan prinsip tatakelola yang telus dan berintegriti.

Agenda pembaharuan ini juga akan menjadi pemacu utama kepada pelaksanaan dasar kerajaan melalui pembaharuan sistem penyampaian dan tadbir urus yang cekap, telus dan berimpak tinggi. Ia turut menekankan keperluan menjadikan prinsip islah iaitu usaha membaiki dan menambah baik sistem sedia ada, sebagai asas dalam perkhidmatan kerajaan demi memperkukuh keyakinan rakyat.

Sehubungan dengan itu, Majlis komited dengan pelaksanaan RSTU ini dalam tata kelola pengurusan bandaraya Petaling Jaya

3. PELAN INDUK SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM NEGERI SELANGOR DAN HARI CUCI MALAYSIA 2025 PERINGKAT PETALING JAYA

Pelan Induk Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negeri Selangor (PISPPANS) yang diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Bilangan 16/2024 bertarikh 29 Mei 2024 dan dilancarkan pada 10 September 2024 merupakan dokumen yang menggariskan hala tuju strategik pengurusan sisa pepejal secara mampan, efisien dan kos efektif sebagai langkah memperkukuh lagi sistem yang lebih efisien bagi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam mengikut piawaian tertinggi.

Pelan ini dirangka seiring dengan Rancangan Selangor Pertama (RS-1) dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) untuk menjadikan Negeri Selangor sebuah negeri yang mampan, bersih dan hijau selain kesihatan dan kesejahteraan rakyat serta generasi masa hadapan. Pelan ini turut menggalakkan perkongsian tanggungjawab antara Kerajaan Negeri, PBT dan komuniti setempat ke arah pembentukan kemampanan alam sekitar.

Pada 27 September 2025 bertempat di Sungai Kayu Ara Retention Pond, Kampung Chempaka, PJU 1, telah diadakan Majlis Pelancaran Hari Cuci Malaysia: Program Pembersihan Mega Seluruh Negara Sempena *World Clean Up Day 2025* Peringkat Petaling Jaya.

Program ini merangkumi aktiviti *plogging*, pembersihan sungai, dan memupuk kesedaran terhadap kepentingan menjaga kebersihan bandar dan sungai. Program ini telah mendapat sokongan serta kerjasama Ahli Majlis kawasan dan komuniti setempat. Pada masa sama juga dilancarkan juga Hari Sungai Sedunia Peringkat Petaling Jaya dengan kerjasama Jabatan Pengairan Saliran Negeri Selangor dan Ahli Majlis Zon 7.

Majlis mengucapkan terima kasih kepada YB Puan Jamaliah Jamaludin, ADUN Bandar Utama merangkap Exco Kesihatan Dan Alam Sekitar Negeri Selangor di atas perasmian program tersebut. Program Hari Cuci Malaysia juga mendapat sokongan daripada 6 Ahli Majlis Zon seperti berikut:

- a) PPR Lembah Subang 1 (Blok A, B, C, G & H)
- b) SS 26 (Padang Jalan SS 26/1 & Jalan SS 26/9)
- c) Flat Desa Perangsang, PJS 3
- d) Taman Tasik Bandaran, Kelana Jaya
- e) Masjid Kota Damansara
- f) Surau Al-Kauthar, SS 5C/4

Penglibatan komuniti Petaling Jaya dalam program ini adalah seramai 500 peserta dan tahniah saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat. Pelaksanaan secara serentak ini menunjukkan bahawa semangat kebersamaan yang tinggi di kalangan warga Petaling Jaya dalam menjayakan agenda kebersihan dan kelestarian.

Program Hari Cuci Malaysia 2025 ini turut mencipta rekod Malaysia Book of Records (MBOR) dengan mencatatkan gotong royong teramai dengan 100,817 peserta melebihi sasaran awal 100,000 peserta.

Rekod MBOR kedua pula adalah berjaya mengumpul minyak masak terpakai, 27,679.31 kg. Ia turut melebihi sasaran awal sejumlah 3,000 kg. Bagi kutipan sisa pula, sebanyak 6,462 tan sisa seperti sisa plastik, sisa kebun, kayu, kertas, tekstil dan lain-lain berjaya di.kutip

4. INSPEKTORAT ANUGERAH KHAS KESELAMATAN PERLINDUNGAN 2025

Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan ini diadakan dua tahun sekali dan ia telah mula diperkenalkan pada tahun 2013 oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri. Inspektorat Anugerah Khas ini dilaksanakan bertujuan bagi mengiktiraf tadbir urus keselamatan perlindungan yang terbaik di agensi-agensi kerajaan.

Ia juga dapat mewujudkan persaingan bagi meningkatkan usaha dan komitmen ketua jabatan dan pegawai keselamatan jabatan yang telah dilantik untuk mengamal, melaksana dan menguatkuasakan keselamatan perlindungan pada tahap terbaik.

Di samping menggalakkan pembudayaan pengurusan keselamatan perlindungan yang kondusif, ia secara tidak langsung merupakan program berimpak tinggi dalam usaha untuk menentukan pengurusan pentadbiran kerajaan selamat dan berintegriti.

Asas penilaian Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan adalah berdasarkan enam bahagian iaitu **Dasar Keselamatan, Keselamatan Fizikal, Keselamatan Rahsia Rasmi, Keselamatan Rahsia Rasmi Dalam Persekitaran Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), Keselamatan Peribadi dan Pengurusan Kesyukuran Perkhidmatan.**

Selaku Pegawai Keselamatan Jabatan (PKJ) di MBPJ, saya telah dipertanggungjawabkan untuk memastikan semua aspek keselamatan dokumen dan maklumat rasmi Majlis, bangunan dan harta Majlis berada dalam keadaan baik.

Bagi langkah-langkah keselamatan, satu Jawatankuasa Keselamatan telah dibentuk bagi mengambil langkah-langkah mengikut peruntukan arahan keselamatan. Ia bagi memastikan keselamatan di Majlis dapat dikawal dengan sempurna setiap masa dibantu oleh Penolong Pegawai Keselamatan Jabatan (Ketua Jabatan) yang telah dilantik.

Saya ingin mengingatkan kepada warga kerja Majlis agar sentiasa menjaga integriti ketika melaksanakan tugas dalam menguruskan keselamatan dokumen rasmi Majlis.

5. MBPJ RAIH ANUGERAH 5TH CERTIFICATE OF RECOGNITION PERINGKAT ASEAN

MBPJ terus mengukir pencapaian cemerlang apabila menerima Anugerah 5th **Certificate of Recognition (COR)** kategori ***Big Cities – Indikator Circular Economy*** sempena 6th **ASEAN Environmentally Sustainable Cities (ESC) Award** dan 5th **Certificate of Recognition (COR)** yang berlangsung di Langkawi baru-baru ini.

Anugerah berprestij ini telah disampaikan oleh YB Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani, Menteri Perlindungan dan Komoditi yang menjalankan tugas Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam. Pengiktirafan ini

membuktikan komitmen dan kepemimpinan MBPJ dalam memperkasa agenda ekonomi kitaran berteraskan kelestarian dan inovasi hijau demi kesejahteraan warga Petaling Jaya.

MBPJ turut berkongsi amalan terbaik dalam sesi *Regional Workshop*. Antara inisiatif yang dikongsikan adalah pelaksanaan *Green Public Procurement*, PJ Eco Recycling Plaza, SS2 *Smart Waste Solution Lab*, penggunaan dua buah bas elektrik bagi perkhidmatan *PJ City Free Bus*, galakan penggunaan mikromobiliti serta pelaksanaan Garis Panduan Kecekapan Tenaga (Energy Efficiency Guidelines) menyokong sasaran pengurangan karbon sebanyak 33 peratus menjelang tahun 2030.

Kejayaan ini membuktikan kedudukan MBPJ sebagai peneraju bandar mampan di rantau ASEAN, selain menjadi platform penting untuk berkongsi pengalaman amalan terbaik serta memperkukuh kerjasama ke arah masa hadapan yang lebih hijau dan mampan.

6. EXCELLENCE IN URBAN ENVIRONMENTAL MANAGEMENT

MBPJ telah menerima pengiktirafan ***Excellence in Urban Environmental Management Award*** sempena WMAM 20th Anniversary Conference 2025 yang telah berlangsung pada 8 September 2025. Anugerah telah disampaikan oleh Mr. James Law, President of International Solid Waste Association (ISWA).

Pengiktirafan ini diberikan atas kejayaan pelaksanaan projek *PJ Eco/PJ SEED Community Sustainability Grants* serta inisiatif seperti pusat pembelajaran kitar semula, hab serahan (drop-off hubs) dan perancangan strategik bandar melalui PJSSR 2030/Pelan Kelestarian.

Pengiktirafan ini mencerminkan komitmen berterusan MBPJ dalam memacu inovasi hijau, memperkukuh pendidikan dan kesedaran alam sekitar serta menggalakkan penglibatan komuniti dalam pengurusan sisa dan kitar semula.

Semoga kejayaan ini menjadi pemangkin untuk merealisasikan Petaling Jaya sebagai sebuah bandar raya yang bersih, lestari dan mampan.

7. MBPJ RAIH 5 PENGIKTIRAFAN DI MIP MYPLACE AWARDS 2025

MBPJ terus cemerlang apabila merangkul lima (5) anugerah berprestij di Majlis Penganugerahan *MyPLACE Awards 2025* anjuran Pertubuhan Perancang Malaysia yang berlangsung pada 12 September 2025.

Kejayaan ini sekali gus membuktikan komitmen berterusan MBPJ dalam melahirkan projek berimpak tinggi, inovatif dan berpaksikan kesejahteraan rakyat serta kelestarian bandar raya. Pencapaian Projek MBPJ di *MyPLACE Awards 2025* adalah seperti berikut :

a) **Diamond Award – Urban Farming** (Programme-Based)

- Program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR INTAN) @PJ City Food Valley - Projek Agro Bandar di Skim Perumahan Kos Rendah Petaling Jaya

b) **Diamond Award – Indoor Space** (Public Indoor Space)

- PJ Eco Recycling Plaza *Centre of Excellence for Sustainable Environment* Majlis Bandaraya Petaling Jaya

c) **Diamond Award – Game Changer** (Game Changing Warrior Award)

- Dianugerahkan kepada TPr. Lee Lih Shyan sebagai pengiktirafan atas kepimpinan dan kecemerlangan sumbangan serta komitmen beliau dalam pelaksanaan amalan *placemaking*. Beliau turut membawa perubahan, menetapkan penanda aras baharu kecemerlangan dan memberi inspirasi serta impak dalam membentuk komuniti yang mampan.

d) **Emerald Award - Indoor Space** (Public Indoor Space)

- *Tower running @Menara MBPJ: A Place in Making* Majlis Bandaraya Petaling Jaya

e) **Strategic Partners Appreciation Award**

- *Placemaker Week ASEAN 2025*

Pencapaian gemilang ini diharapkan menjadi pemangkin semangat untuk terus memperkasa usaha menjadikan Petaling Jaya sebuah bandar raya yang mampan, berdaya huni serta sejahtera untuk semua.

8. **ANUGERAH TENAGA KEBANGSAAN: MBPJ RAIH ANUGERAH**

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah diumumkan sebagai pemenang Anugerah Tenaga Kebangsaan 2025 bagi kategori 'Energy Efficient Building' pada 25 September yang disampaikan oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga & Transformasi Air.

Anugerah ni diterima bagi projek *retrofitting* Perpustakaan Komuniti MBPJ melalui kerjasama Jabatan Kawalan Bangunan dan Jabatan Kejuruteraan dengan Sustainable Energy Development Authority (SEDA) sejak tahun 2019 bagi meningkatkan kecekapan tenaga bangunan tersebut selaras dengan pelan strategik pengurangan jejak karbon sebanyak 33 peratus menjelang 2030.

Pengiktirafan ini mencerminkan komitmen dan dedikasi seluruh warga MBPJ dalam memastikan keberkesanan pengurusan tenaga, sekali gus menyokong agenda kelestarian dan pembangunan mampan di bandar

raya Petaling Jaya. Untuk rekod, anugerah ini merupakan anugerah kedua yang diterima oleh MBPJ bagi projek bangunan cekap tenaga selepas bangunan Sukan Astaka menerimanya pada tahun 2022.

9. KEMPEN JOM PERBAHARUI LESEN 2026

Bagi lesen perniagaan tahun 2026, sebanyak **31,892 lesen perniagaan akan diperbaharui** oleh pemegang lesen tred dan usahawan mikro. Pembaharuan lesen ini boleh dilaksanakan mulai **1 Oktober 2025 hingga 31 Disember 2025**. Kegagalan pemegang lesen memperbaharui lesen dalam tempoh berkenaan akan dikenakan caj pemprosesan seperti berikut :

Bil.	Tempoh	Caj Proses
1	1 Januari – 31 Mac 2026	RM 50.00
2	1 April – 30 Jun 2026	RM 250.00
3	Mulai 1 Julai 2026	Lesen dibatalkan

Pembaharuan lesen perniagaan ini boleh dibuat melalui atas talian elesen.mbpj.gov.my, kios-kios Lobi Ibu Pejabat, Lobi Menara MBPJ, Lobi Pejabat Cawangan, Kaunter Pandu Lalu, Pasar Jalan Othman, Pasar PJKita SD5 dan kaunter-kaunter Majlis iaitu kaunter Ibu Pejabat MBPJ, kaunter Cawangan Petaling Jaya Utara di Kota Damansara, kaunter Menara MBPJ. Majlis turut menyediakan kaunter bergerak di lokasi-lokasi seperti berikut :

Bil.	Lokasi	Tarikh Kaunter
1	Pasar Malam SS 2/60, SS 2/61	3/11/2025
2	Pasar Malam Taman Medan PJS 2D	5/11/2025
3	Jalan TSB 9	11/11/2025
4	Pasar Malam SS 2, Chow Yang	13/11/2025
5	Pasar Pagi SS 2/62	20/11/2025
6	Pasar Malam Damansara Damai	21/11/2025
7	Pasar Malam SS8,Sg Way	24/11/2025
8	Pasar Malam Sunway Mentari PJS 8	26/11/2025
9	Pasar Tani Seksyen 17/1A	4/12/2025
10	Pasar Tani Kelana Jaya	6/12/2025
11	Pasar Tani Seksyen 3, Kota Damansara	21/12/2025
12	Pasar Awam Jalan Othman	30/12/2025
13	Pasar Awam Jalan Othman	31/12/2025

10. SKIM KESELAMATAN SOSIAL PEKERJAAN SENDIRI (SKSPS) [AKTA 789]

Bermula 1 Januari 2025, semua pemegang lesen dan permit Usahawan Mikro MBPJ diwajibkan untuk mencarum dengan Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) dengan caruman serendah RM 13.10 sebulan selari dengan hasrat Kerajaan Negeri bagi memastikan penjaja dan peniaga kecil dilindungi semasa menjalankan perniagaan.

Pada 25 September 2025 yang lalu, Majlis telah mengadakan sesi libat urus bersama semua pemegang lesen dan permit Usahawan Mikro MBPJ. Sejumlah 245 wakil peniaga terdiri daripada peniaga gerai, pasar

awam, pasar malam, pasar pagi dan permit sementara penjaja telah hadir bagi mendengar penerangan yang disampaikan Bahagian Sinergi PERKESO Negeri Selangor.

Majlis dengan kerjasama PERKESO Negeri Selangor akan membuka kaunter pendaftaran di Menara MBPJ dan mana-mana kaunter pembaharuan lesen bagi membantu peniaga-peniaga memohon bagi caruman SKSPS.

11. PELAKSANAAN *PJ WATCH* DI PETALING JAYA

MBPJ meneruskan kesinambungan inisiatif program *PJ Watch* dalam membanteras aktiviti pembuangan sampah haram di kawasan Petaling Jaya melalui pemantauan dan penguatkuasaan secara bersasar.

Program yang berteraskan pendidikan serta penguatkuasaan ini bermatlamat menjadikan Petaling Jaya sebagai bandaraya bersih dan mesra alam sekitar selari dengan matlamat PJSSR 2030.

Operasi penguatkuasaan pembuangan sampah haram ini dilaksanakan secara bersasar di beberapa lokaliti melalui pemantauan *CCTV* serta rondaan anggota di lapangan seperti berikut :

- a) Sekitar kawasan Seksyen 17
- b) Sekitar kawasan SS 2, SS 3 dan SS 7
- c) Sekitar kawasan PJU 1A
- d) Sekitar kawasan Kota Damansara
- e) Sekitar kawasan PJS 1 dan PJS 3

Berikut merupakan statistik penguatkuasaan dan program pendidikan yang telah dijalankan **sehingga bulan September 2025** :

BIL.	PERKARA		JUMLAH	
1.	Jumlah Lokasi <i>Hotspot</i> Sampah Haram		43 Lokasi	
2.	Jumlah <i>Hotspot</i> Yang Dilengkapi CCTV Bergerak		15 Lokasi	
3.	Jumlah Penemuan Kes Sampah Haram Melalui CCTV	Individu	40 Individu	71
		Kenderaan	28 Buah Kenderaan	
		Syarikat	3 premis	
4.	Jumlah Kompaun Di Bawah UUK Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap (MBPJ) 2007		348	
5.	Jumlah Tangkapan	Individu	62 Individu	120
		Kenderaan	12 Buah Kenderaan	
		Syarikat	46 buah syarikat	
6.	Hebahan Media Sosial		11 kali	13
7.	Program Pendidikan		<i>PJ Learning City Festival</i>	27
			Edaran Risalah : • Kaunter Perkhidmatan • Program Komuniti • Taman Awam	

Bagi memperkasakan aspek pendidikan, kolaborasi bersama rakan-rakan strategik MBPJ dijadikan sebagai platform perkongsian pintar di samping sesi libat urus bersama Persatuan Penduduk (RA), Rukun Tetangga (RT)

dan Badan Pengurusan Bersama (JMB) dengan kaedah lebih interaktif bagi memupuk kesedaran di kalangan warga Petaling Jaya secara inklusif.

Sehubungan dengan itu, Majlis menyeru agar warga Petaling Jaya sentiasa komited di dalam menjaga kelestarian bandar raya demi kesejahteraan serta kebahagiaan penduduk.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya merafak sembah setinggi-tinggi tahniah sempena **Istiadat Perkahwinan Diraja Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj dan Cik Afzaa Fadini binti Dato' Abdul Aziz pada 2 Oktober 2025 bersamaan 10 Rabi'ul Akhir 1447H.**

Bagi khalayak perarakan sempena Majlis Istiadat Pernikahan Diraja Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor, saya memohon Ahli Majlis untuk menghantar 5 orang untuk setiap kawasan Ahli Majlis masing-masing. Bagi tujuan ini, Ahli Majlis boleh berurusan dengan Bahagian Urusetia, Jabatan Khidmat Pengurusan untuk penyelarasan kehadiran peserta

Mewakili MBPJ, saya ingin merakamkan ucapan takziah kepada seluruh ahli keluarga atas pemergian Allahyarham En. Wan Rohadi bin Wan Hassan, dari Jabatan Pembangunan Masyarakat yang telah kembali ke rahmatullah pada 20 September dan Puan Nor Shalizawati binti Hj. Baharudin, dari Unit Komunikasi Korporat yang telah kembali ke rahmatullah pada 24 September.

Didoakan agar roh kedua-dua Allahyarham dan Allahyarhamah dicucuri rahmat oleh Allah SWT, diampunkan segala dosa serta ditempatkan dalam kalangan hamba-Nya yang beriman dan beramal soleh dan solehah.

Tidak ada balasan yang selayaknya bagi hamba-Ku yang beriman di sisi-Ku, ketika Aku mencabut nyawa orang yang dicintainya di dunia, kemudian dia redha dan bersabar demi mengharapkan ganjaran Allah, melainkan (baginya) syurga – (Riwayat al-Bukhari)

Al-Fatihah.

Sekian, terima kasih

